

**Tangkis Kempen Halus Pembangkang - Tengku Adnan
Bernama
15 September, 2012**

SHAH ALAM, 15 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor meningatn anggota dan pemimpin parti di peringkat akar umbi supaya menangkis kempen halus pembangkang kepada pengundi untuk tidak memberikan kemenangan besar kepada Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 nanti.

Beliau berkata taktik sama oleh pembangkang pada PRU ke-12 pada 2008 telah mengakibatkan populariti BN merosot.

"Semua anggota Umno dan BN perlu ada keyakinan diri bahawa BN boleh menang dengan majoriti lebih baik termasuk kerusi Parlimen Kapar," katanya semasa merasmikan mesyuarat agung perwakilan Umno bahagian Kapar, di sini.

Tengku Adnan, yang juga setiausaha agung BN, berkata kempen halus oleh pembangkang adalah amat berbahaya kepada BN dan sayap Pemuda dan Puteri Umno perlu mendekati golongan muda untuk menangkis taktik sedemikian.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695004>